

04/06/1997

12 pelatih dipulih guna Naltroxone

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Sekumpulan 12 pelatih pusat serenti menjadi kumpulan pertama menjalani rawatan pemulihan dadah menggunakan pil Naltroxone, mulai bulan lalu.

Pelatih terbabit dari pusat serenti di Sungai Besi di sini dan Kampung Selamat, Pulau Pinang. Projek itu bermula 19 Mei lalu di bawah pengawasan Pengarah Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan Universiti Sains Malaysia, Prof V Navaratnam.

Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan (ADK), Datuk Yaacob Mohd Amin, berkata bilangan pelatih yang menjalani rawatan pemulihan menggunakan pil itu akan ditingkatkan sehingga 4,000 orang.

Pelatih yang dipilih menjalani proses pemulihan itu mesti memenuhi beberapa kriteria termasuk bersetuju melakukannya secara sukarela dan mendapat sokongan keluarga.

Mereka akan dinilai dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanan penggunaan pil berkenaan. Selain mengambil pil itu, pelatih juga mesti mengikuti kelas kaunseling bagi meningkatkan keberkesanan proses rawatan pemulihan.

"Bagaimanapun, setakat ini masih terlalu awal untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan pil berkenaan," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri membenarkan penggunaan pil Naltroxone bagi membantu rawatan pemulihan dadah.

Berikutan itu, ADK mengenal pasti 4,000 pelatih dari lapan pusat serenti di seluruh negara untuk menjadi kumpulan perintis penggunaan pil berkenaan. Pelaksanaan projek itu membabitkan peruntukan RM3.1 juta.

Mengikut proses rawatan itu, selepas keluar dari pusat serenti, pelatih perlu terus mengambil pil Naltroxone setahun lagi serta mengikuti kelas kaunseling.

Mengenai pembatalan projek pembinaan pusat serenti di Kerayong, Bera, Yaacob berkata, pihaknya akur dengan keputusan itu dan mengakui tapak yang dicadangkan tidak sesuai. Sebagai ganti, sebuah pusat serenti akan dibina di Batu Gajah, Perak.

Baru-baru ini, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat, Kesihatan dan Sumber Manusia Pahang, Datuk Law Kee Long, berkata Kementerian Dalam Negeri membatalkan cadangan membina pusat serenti di tapak kem Pasukan Polis Hutan selepas menerima bantahan penduduk.

(END)